

MESYUARAT PENYELARASAN PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PROJEK KOMUNITI SEMPENA PROGRAM ENHANCED PRIMARY HEALTH CARE (EnPHC)

Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) dengan diketuai Pn. Noraini Mustafa, Pengarah Bhg. Perancangan & Penilaian Program dan pegawai telah melaksanakan beberapa siri mesyuarat Projek Komuniti sempena Program EnPHC KKM di PKD Batu Pahat, PKD Pontian, PKD Muar dan PKD Segamat bermula 10Julai hingga 13Julai 2017.

Mesyuarat ini juga disertai oleh NGO kesihatan iaitu wakil NKF Malaysia cawangan Johor, Persatuan Anak Jati Muar Johor (PAJM) , Persatuan Kanser Segamat, Pertubuhan Ibu Tunggal Kebangsaan, Kelab Sukarelawan UTHM, Panel Penasihat Klinik dan sebagainya.

Projek pertama akan dilaksanakan di Batu Anam, Segamat pada 23 Julai 2017 (Ahad). Projek yang dinamakan Hari Kesihatan Penduduk Batu Anam sempena EnPHC bertujuan untuk mendaftarkan semua penduduk Batu Anam yang berada dalam kawasan Klinik Batu Anam untuk didaftarkan dalam sistem MoVES Kementerian Kesihatan Malaysia. Pendaftaran ini amat penting kepada kementerian dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti pada masa akan datang.





